



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YABHG. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN
ISMAIL**

SEMPENA

SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-80

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)

TAHUN 2026

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan
Salam Kebajikan.

Terima kasih Pengacara Majlis, Encik Sheik
Amilhisham bin Sheik Hashim.

Terima kasih juga kepada juru bahasa isyarat, Ms.
Goh Soo Leng dan Puan Hafidah Awaludin.

SALUTASI

i. Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan
Masyarakat,

ii. Yang Berhormat Puan Lim Hui Ying
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga
dan Masyarakat,

iii. Yang Berbahagia Datuk Dr. Maziah Che Yusoff
Ketua Setiausaha,
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan
Masyarakat,

**iv. Yang Berbahagia Datuk Che Murad Sayang bin
Ramjan**
Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat,

Pengurusan tertinggi KPWKM, Ketua-ketua Jabatan
dan Agensi, Mantan Ketua-ketua Pengarah Jabatan
Kebajikan Masyarakat,

Para pesara, Rakan-rakan strategik, rakan-rakan
media, warga Jabatan Kebajikan Masyarakat, tuan-
tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN: 80 TAHUN KHIDMAT BAKTI

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama meraikan Sambutan Ulang Tahun Ke-80 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
2. Tahniah kepada seluruh warga JKM, termasuk pesara dan generasi terdahulu yang telah menyumbang tenaga dan bakti hingga JKM menjadi institusi penting dalam sistem perlindungan sosial negara. Jasa anda tiada galang gantinya.
3. Sambutan ini mestilah menjadi ruang menghargai pencapaian JKM serta menyuntik tekad untuk terus menambah baik mutu perkhidmatan demi kesejahteraan rakyat terbanyak.

LANDSKAP SOSIAL YANG SEMAKIN KOMPLEKS

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

4. Kehidupan kini jauh berbeza. Cabaran hidup semakin meningkat, penularan pantas berita di media sosial, dan ekspektasi rakyat yang tinggi. Kita perlu bertindak pantas, bercakap berasaskan fakta, serta mengekalkan integriti dan profesionalisme.

5. Dalam era kecerdasan buatan (AI) dan data raya, teknologi boleh membantu kita meramal risiko dan mengurus kes dengan lebih baik. Namun, teknologi hanyalah alat. Hanya manusia yang mampu mendengar, memeluk, dan membina kepercayaan. Prinsip kita jelas: teknologi membantu memperkukuh sentuhan kemanusiaan, bukan menggantikannya.

6. Justeru, saya percaya bahawa aset terpenting JKM ialah modal insannya, iaitu anda semua. Tugas anda bukan mudah. Ada kalanya anda perlu membuat keputusan sukar demi menyelamatkan seorang kanak-kanak, ada yang sabar mendengar trauma orang lain setiap hari, ada yang melihat keluarga dalam kesusahan tetapi bantuan yang boleh diberikan adalah terbatas mengikut syarat dan kelayakan dan macam-macam lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesabaran, empati, dan pengorbanan seluruh warga JKM di semua peringkat, sama ada di Ibu Pejabat, negeri, daerah, institusi, mahupun kader di jabatan lain.

PEMBANGUNAN SOSIAL DALAM KONTEKS MALAYSIA

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,

8. Dalam memastikan pembangunan yang seimbang selaras dengan agenda Malaysia MADANI, tiga fokus utama perlu diberikan perhatian: memperkukuh institusi keluarga, melindungi kanak-kanak demi masa depan negara, serta memperkasakan golongan rentan seperti OKU dan warga emas.

9. Keutuhan keluarga berkait rapat dengan pembangunan individu sejak kecil. Malah, cabaran perlindungan kanak-kanak kini melangkaui dunia fizikal hingga ke alam siber. Ini menuntut pemantauan berkesan daripada orang-orang yang rapat dengan mereka seperti ibu bapa, keluarga, dan guru.

10. JKM melalui Jabatan Pembangunan Kanak-kanak memainkan peranan penting di sini. Perkemaskan SOP serta laksanakan latihan komprehensif buat petugas di lapangan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan lebih berkesan.

11. Pada masa sama, kita harus bersiap sedia menghadapi fasa Malaysia menuju status Negara Tua. Peningkatan jangka hayat dan jumlah penduduk berumur 65 tahun ke atas memberi kesan besar kepada produktiviti dan dinamik keluarga.

12. Kadar kesuburan negara juga semakin menurun kepada 1.6 anak bagi setiap pasangan dan semakin banyak *sandwich family* dimana pasangan perlu menjaga ibu bapa yang telah berumur dan pada masa yang sama menjaga dan membesarkan anak-anak mereka sendiri.

13. Setiap dasar dan inisiatif yang dirancang dan dilaksanakan mesti mengambil kira realiti ini agar manfaatnya benar-benar sampai kepada mereka yang memerlukan. Saya juga percaya telah tiba masanya supaya tumpuan benar-benar diberikan kepada usaha untuk melaksanakan *exit strategy* secara berkesan

bagi penerima-penerima bantuan JKM yang bersesuaian, terutamanya dengan kerjasama erat agensi-agensi lain serta pihak korporat.

PESANAN DAN NASIHAT

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

14. Dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan, tumpuan utama harus diberikan kepada petugas di lapangan. Merekalah wajah hadapan dan duta kecil JKM serta Kementerian yang berinteraksi terus dengan rakyat.

15. Fahamilah kekangan mereka dan dapatkan input praktikal dari lapangan. Berilah sokongan padu daripada setiap peringkat dan saya yakin, itulah yang diinspirasikan oleh YB Dato' Sri Nancy Shukri, barisan pengurusan tertinggi Kementerian dan juga JKM.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

16. Bersempena semangat Hari Kebangsaan baru-baru ini, marilah kita perkukuh kerjasama dan kesefahaman. Saya yakin di bawah kepimpinan YB Dato' Sri Nancy Shukri, Kementerian dan semua agensi akan terus cemerlang menyumbang kepada pembangunan Malaysia MADANI.

17. Tahniah kepada pihak Kementerian yang telah membentangkan Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial pada tahun ini dan saya percaya, langkah ini merupakan satu pencapaian signifikan bagi memperkasakan bidang kerja sosial di negara kita terutamanya untuk petugas JKM.

18. Dengan kepimpinan yang baik dan semangat bekerjasama, JKM pasti mampu mengekalkan kecemerlangan di masa hadapan. Terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan atas 80 tahun jasa bakti yang telah dicurahkan. Teruskan bertugas dengan penuh empati dan integriti sebagai "Hero Jaket Oren" yang menjulang moto "Berkat Berjasa".

19. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Sambutan Ulang Tahun Ke-80 Jabatan Kebajikan Masyarakat: “Menyantuni Rakyat, Memperkasa Masyarakat”.

Sekian, terima kasih.